

09 AUG 2002

ANIFAH-COLUMBIA

COLUMBIA MINTA KEPAKARAN MALAYSIA BUAT LADANG KELAPA SAWIT

SANDAKAN, 9 Ogos (Bernama) -- Columbia telah menyatakan minat untuk mendapatkan kepakaran teknologi Malaysia untuk melaksanakan perladangan kelapa sawit secara besar-besaran di negara itu, kata Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Anifah Aman hari ini.

Beliau berkata negara Amerika Latin itu turut menawarkan peluang pelaburan kepada syarikat Malaysia yang sekaligus membuka peluang baru kepada negara ini untuk meneroka pasaran baru komoditi itu di negara berkenaan.

"Mereka memuji kejayaan Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit terbesar dunia dan mahukan pelabur dari negara ini menanam modal di negara itu," katanya kepada pemberita di sini selepas menyampaikan cek bernilai RM4.7 juta kepada 20 penerima skim insentif tanam semula (SITS) dari seluruh Sabah.

Anifah yang melawat Columbia baru-baru ini berkata Malaysia amat menyambut baik tawaran itu yang menawarkan pelbagai kemungkinan termasuk meningkatkan pasaran minyak sawit mentah ke negara itu.

"Kerajaan sedang mengkaji perkara ini kerana pada kita memang banyak yang boleh ditawarkan oleh negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata sebagai pengeluar minyak sawit yang sentiasa bersikap liberal berhubung persaingan dalam industri itu, Malaysia tidak menolak kemungkinan bahawa suatu hari kelak Columbia bakal menjadi pesaing kepada Malaysia.

Sementara itu, Anifah berkata Malaysia sedang berusaha meningkatkan tumpuan untuk memasarkan minyak sawit ke negara Indonesia yang ketika ini menunjukkan reaksi yang menggalakkan.

"Peluang pelaburan di bidang berkenaan sedang diperhebatkan termasuk menanam kelapa sawit secara besar-besaran oleh usahawan dari Malaysia dengan menggunakan peluang daripada kos buruh yang murah dan ramai," katanya.

Dengan kepadatan penduduk Indonesia serta mutu dan keperluan minyak kelapa sawit Malaysia yang terus mempunyai reputasi baik di pasaran antarabangsa, Anifah yakin pelbagai kemajuan dalam pelaburan itu dapat dicapai dalam tempoh singkat.

Dalam perkembangan lain, Anifah berkata, kementerian menyambut baik pengumuman kerajaan untuk terus mengambil pekerja sah dari Indonesia seperti yang dicapai pada pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri di Bali semalam.

"Keputusan daripada perbincangan itu memberikan kelegaan terutama bagi sektor pembinaan dan perladangan yang terjejas akibat kekurangan tenaga buruh," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya beliau berkata sejumlah 196,805 hektar tanah di seluruh negara telah didaftarkan program pinjaman kewangan menerusi SITS yang dilancarkan sejak Januari tahun lepas.

Daripada jumlah itu, 65,259 hektar adalah daripada sektor kerajaan, 28,742 hektar pekebun kecil dan selebihnya swasta, katanya. -- BERNAMA

CFM JS JR